

# **AMAN PRIME SHEDS ETR 300**

**DISEDIAKAN UNTUK :**

**EN. KHAIRUL ANWAR SUBARI**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**ALAWIYAH BT. HARUN**

**NURULAZWA BT. AZIZAN**

**LAILI MARINA BT. AHMAD NURANI**

**SHARIFAH MAIMUN BT. SYED MUSTAFA**

## 959 KANDUNGAN

SURAT PENYERAHAN	( I )
SURAT KEBENARAN	( III )
MUKADIMAH	( IV )
PENGHARGAAN	( V )
SINOPSIS	( VI )
PENGENALAN	( 1 )
TUJUAN RANCANGAN	( 2 - 6 )
PENGENALAN	( 1 )
TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN	( 2 - 6 )
LATAR BELAKANG PERNIAGAAN	( 7 - 11 )
RANCANGAN PENTADBIRAN	( 12 - 22 )
RANCANGAN PEMASARAN	( 23 - 33 )
RANCANGAN OPERASI	( 34 - 48 )
RANCANGAN KEWANGAN	( 49 - 77 )
LAMPIRAN	( 78 - 90 )



## **RUMUSAN**

### **Kesimpulan**

Hasil kajian yang telah dijalankan ,maka dengan ini dapat dirumuskan bahawa projek ini boleh mencapai matlamat dan kejayaannya seandainya kami mengikut segala perancangan yang disusun dengan teliti. Dengan penghasilan Rancangan Perniagaan ini, diharapkan mendapat sokongan daripada pihak-pihak yang terbabit untuk menyokong dalam melaksanakan projek ini yang dirancang oleh kami. Oleh itu diharapkan pinjaman yang dipohon dari pihak Bank Bumiputera Malaysia Berhad sebanyak RM ~~73,000.00~~<sup>106,474</sup> dapat diluluskan untuk membolehkan pihak kami merealisasikan Rancangan Perniagaan yang dirancang ini.

Kami yakin bahawa produk kami iaitu DIY Garden Shed ini mempunyai potensi untuk maju di masa akan datang. Kami sentiasa menitikberatkan barangan yang berkualiti dan sentiasa mengikut perubahan citarasa pengguna.

Kami juga telah mengatur beberapa strategi pemasaran yang efektif untuk menjamin pengeluaran yang sentiasa meningkat dan pulangan yang diharapkan selaras dengan matlamat kami mengurangkan kos dan memaksimakan untung.

Kesimpulannya, Aman Prima Sheds sdn.Bhd. mempunyai keyakinan yang tinggi dalam mencapai matlamat yang dirancang dengan adanya sokongan daripada pihak-pihak tertentu sama ada secara langsung ataupun tidak.

## **Pengenalan**

Syarikat ini memulakan operasinya pada 1 Januari 1999 dengan menggunakan nama “ Aman Prima Sheds Sdn.Bhd.” Lokasi Syarikat ini terletak di Lot 90, Tapak Perindustrian Bukit Makmur 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman.

Memandangkan belum terdapat lagi sebuah syarikat yang mengeluarkan barangan DIY Garden Shed secara langsung maka kami mengambil peluang ini untuk mengeluarkannya secara besar-besaran. DIY bermaksud “Do It Yourself”. Ini bermakna pelanggan perlu memasangkannya sendiri. Jika sekiranya terdapat sebarang masalah maka pihak kami sedia membantu. Manakala “Garden Shed “ pula membawa maksud sebuah pondok dalam taman. Pondok ini tidak semestinya dibina di taman, ia boleh juga dibina di halaman atau tepi rumah. DIY Garden Shed ini adalah diadaptasikan daripada zaman kanak-kanak di mana kanak-kanak suka bermain pondok-pondok kecil yang diperbuat daripada bahan terbuang. Dari sinilah kami mendapat idea untuk membina sebuah pondok di halaman rumah dijadikan sebagai stor untuk menyimpan barang-barang yang tidak diperlukan atau dijadikan ampaiian semasa hari hujan. Dengan kata lain barangan ini boleh dipelbagaikan kegunaannya.

Kami yakin DIY Garden Shed akan mendapat tempat di hati pelanggan memandangkan dari aspek mutu barangan dan perkhidmatan yang tinggi. Oleh itu adalah menjadi matlamat kami dalam jangka panjang untuk mempelbagaikan produk serta menguasai pasaran di bahagian utara dan seterusnya seluruh Malaysia.



## **Tujuan**

Tujuan utama Rancangan Perniagaan ini disediakan adalah untuk kemudahan mendapat bantuan dari segi kewangan dari pihak Bank Bumiputera Malaysia Berhad untuk membiayai modal selain daripada sumbangan rakan kongsi agar Aman Prima Sheds Sdn. Bhd. Dapat bergerak maju selaras dengan apa yang dirancang.

Penyediaan Rancangan Perniagaan ini juga penting bagi kami supaya kami dapat mengkaji dan seterusnya menilai sama ada projek ini berdaya maju atau tidak. Rancangan Perniagaan ini akan kami jadikan sebagai ukuran dalam menentukan pembentukan perniagaan dan pengurusan Aman Prima Sheds Sdn.Bhd. ini akan sentiasa bergerak maju dan berkembang pesat selaras dengan matlamat kami untuk memenuhi permintaan semasa. Oleh itu sekali lagi Rancangan Perniagaan ini adalah sebagai garis panduan dalam pengurusan perniagaan supaya organisasi syarikat sentiasa teratur, sistematik dan berjalan dengan lancar. Ini tentunya dapat membantu kami untuk berhadapan dengan sebarang masalah yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran syarikat.

Selain itu Rancangan Perniagaan ini juga akan dapat membantu kami bagi menyusun strategi-strategi yang bakal dilaksanakan dengan tujuan untuk memajukan perniagaan ini. Para pekerja dan rakan kongsi perniagaan ini bukan sahaja dapat memahami mengenai pelaksanaan tugas masing-masing, malah dapat menolong perniagaan daripada melakukan pembaziran sumber-sumber seperti modal dan tenaga.

Kami perlu memastikan bahawa pengagihan sumber ini dapat memberikan pulangan dan kepuasan kepada Aman Prima Sheds Sdn.Bhd.. Kami yakin Rancangan Perniagaan yang kami sediakan untuk penubuhan Aman Prima Sheds Sdn.Bhd. ini telah mampu membuktikan kewibawaan kami sebagai usahawan yang berjaya.